

Mangsa dibenarkan pulang, pusat pemindahan ditutup

Banjir di utara makin pulih

Oleh **MARZITA ABDULLAH**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 12 Nov. – Keadaan banjir di utara Semenanjung dilaporkan semakin pulih dengan kebanyakan mangsa di Kedah dibenarkan pulang sementara semua pusat pemindahan di Perlis sudah ditutup.

Di **KEDAH**, banjir semakin surut dan jumlah mangsa di sembilan pusat pemindahan di daerah Kota Setar dan Kubang Pasu semakin berkurangan petang ini.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir

Majlis Keselamatan Negara (MKN) ketika dihubungi berkata, jumlah keseluruhan mangsa yang masih berada di pusat-pusat pemindahan banjir sehingga pukul 5 petang ini berkurangan kepada 1,806 orang berbanding 5,103 orang, semalam.

“Hanya 45 orang daripada 11 keluarga masih berada di sebuah pusat pemindahan di Kota Setar, sementara 1,761 orang mangsa daripada 517 keluarga pula masih berada di lapan pusat pemindahan di Kubang Pasu.

“Antara pusat pemindahan yang masih dibuka di Kubang Pasu ialah Dewan Orang Ramai Kodiang, Se-

kolah Menengah Kebangsaan (SMK) Megat Dewa, Sekolah Kebangsaan (SK) Tunjang, SMK Indera Putera, SK Kodiang, Surau Kampung Lahar Halban, SMK Permatang Bonglai dan SK Sri Muda manakala di Kota Setar hanya pusat pemindahan di SMK Hutan Kampung yang masih dibuka,” kata jurucakap tersebut.

Sehingga lewat petang ini, 38 pusat pemindahan di Padang Terap manakala 75 di Kubang Pasu, 64 di Kota Setar, lapan di Pokok Sena dan sebuah di Pendang ditutup.

Di **PERLIS** pula, kesemua 57 pusat pemindahan banjir di negeri itu sudah

ditutup dengan yang terakhir iaitu di Masjid Al-Mustaqim, Seriab ditutup kira-kira pukul 6 petang semalam.

Menurut jurucakap Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), mangsa terakhir iaitu 29 orang daripada tujuh keluarga telah kembali ke rumah masing-masing.

“Semua pusat pemindahan mangsa banjir juga telah dibersihkan oleh sukarelawan JKJ dan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebaik sahaja mangsa mengosongkan pusat berkenaan,” katanya.

Jurucakap itu menjelaskan, serentak dengan penutupan semua pusat

pemindahan itu, bilik gerakan JKJ yang beroperasi 24 jam di Kompleks Dewan Undangan Negeri (DUN) turut ditutup.

Tambahnya, pihak JKJ kini sedang mengemas kini semakan pendaftaran mangsa banjir bagi memastikan jumlah sebenar mereka yang mendaftar di pusat pemindahan banjir kelolaan jabatan tersebut sepanjang bencana itu melanda.

Sejak banjir melanda Perlis pada 1 November lalu, seramai 15,159 mangsa daripada 2,894 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan di daerah Padang Besar, Kangar dan Arau.